

Media Title : Utusan Malaysia
 Headline : PNK Meningkat 50 peratus
 Date : 5 August 2017
 Page : 3
 PR Value : 34,514.52



Tohmahan pembangkang terhadap ekonomi Malaysia terbukti tidak benar

PNK meningkat 50 peratus

Oleh SAFINA RAMLI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak berkata, Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia meningkat sehingga 50 peratus antara 2009 hingga 2016 walaupun Pakatan Harapan yang diketuai DAP cuba menakutkan pelabur dengan mendakwa negara ini akan bankrap.

Perdana Menteri berkata, di sebalik pelbagai tohmahan yang dilemparkan terhadap Malaysia, sebanyak 2.26 juta pekerjaan berjaya diwujudkan dengan inflasi dan kadar pengangguran berada pada tahap yang rendah.

"Para pelabur tidak akan melarut di negara ini dan memindahkan ibu pejabat syarikat mereka jika berfikir Malaysia bakal bankrap."

"Sebagai contoh, Huawei akan menjadikan Malaysia sebagai pusat operasi global syarikat berkenaan malah Broadcom Limited yang merupakan syarikat semikonduktor terbesar dunia juga bakal memindahkan operasinya dari Singapura ke negara ini tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Anugerah dan Makan Malam ASEAN@50 anjuran Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Malaysia (ASEAN-BAC Malaysia) di sini malam ini.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Rosmah Mansor; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Setiausaha Jabatan Perdagangan dan Perindustrian Filipina, Ramon Lopez dan Pengerusi ASEAN-BAC Malaysia, Tan Sri Dr. Mohd. Munir Abdul Majid



NAJIB TUN RAZAK bersama Rosmah Mansor bersama kanak-kanak dari negara ASEAN sempena majlis Anugerah dan Makan Malam ASEAN@50 di Kuala Lumpur, semalam. Hadir sama Mustapa Mohamed (belakang, dua dari kanan) dan Mohd. Munir Abdul Majid (belakang, dua dari kiri). - UTUSAN/ AZLAN HADI ABU BAKAR

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Pengcapaiannya ASEAN @ 50 ASEAN-BAC Malaysia kepada 10 syarikat dan individu atas kejayaan mereka dalam bidang perniagaan yang diceburi.

Menurut Najib, pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan bagi memastikan Malaysia men-

jadi sebuah negara yang mersa para pelabur dan usahawan.

"Ini kerana kita tahu apabila pekerjaan dapat diwujudkan, pendapatan rakyat akan dapat ditingkatkan, kemahiran juga akan disalurkan kepada para pelabur dan semua ini mendatangkan kebaikan kepada negara ini," katanya.

Beliau berkata, kepemimpinan negara ini juga tidak bermintat untuk membungkitkan isu-isu lama seperti yang dilakukan oleh seorang pemimpin terdahulu.

Tanpa menyebut nama manapun tokoh pemimpin, Perdana Menteri menjelaskan, kepemimpinan negara pada masa kini

lebih berminat untuk menjalin persahabatan dengan semua pihak tanpa mengira sama ada mereka berada jauh atau dekat. Dalam pada itu, beliau berkata, Malaysia akan terus memainkan peranan bagi memastikan keamanan serta kestabilan rantau ASEAN dapat dikekalkan.